



• Raja Muda dan isteri-nya, Che Wan Rafidah.

Raja Muda banyak berkhidmat di jabatan Kerajaan

RAJA Muda Perak, Raja Musa, 44, ialah putera Sultan Perak yang ke-31, Sultan Abdul Aziz.

Beliau di-lahirkan di Telok Anson pada 16 June 1919, dan merntut di-bandar itu, mula2 di-Sekolah Melayu dari 1921-29, dan kemudian di-Anglo Chinese School dari tahun 1929-36 sa-belum melanjutkan pelajaran-nya di-Clifford School, Kuala Kanggar hingga tahun 1939.

Raja Musa berkhidmat dengan beberapa jabatan Kerajaan. Pada tahun 1950 beliau di-lantek menjadi Orang Besar Jajahan Partit dan dua tahun kemudian di-pindahkan ke-Telok Anson.

Pada bulan January 1955, beliau melawat United Kingdom selama 11 buah dan sa-kembali-nya ke Perak telah di-lantek menjadi ahli Majlis Meshuarat Undangan Perak selama tujuh buah sa-bagai ahli

Majlis Meshuarat Kerja Negeri (MKCN).

Dari 1 May 1958, Raja Musa berkhidmat sa-bagai Yang di-Pertua Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perak. Beliau meletakkan jawatan sa-telah di-lantek menjadi Raja di-Hilir Perak, warisan kedua kesultanan Perak.

Enam bulan kemudian, sa-telah kemangkatan Sultan Yusoff Izuddin Shah, Raja Musa menjadi Raja Muda.

Kerana perlu siduanannya yang chem ping kapa da negeri, Raja Musa telah di-anugerahkan pingat P.J.C. dan kemudian dikurniakan Jaksa Pendakpal.

Raja Musa bernikah dengan perempuan kebanyak kan, Che Wan Rafidah binti Wan Mohammed Rosdi yang di-kurniakan gelaran Che Puan Besar Persik. Mereka di-anugerahkan oleh Allah dengan tiga orang putera dan lima orang puteri.